

# Kenakan tindakan tegas terhadap pelaku

Dari muka 1



Prof Aini Ideris

Naib Canselornya, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris, berkata UPM sama sekali tidak akan bertolak ansur dengan amalan tidak beretika seperti itu yang mencemarkan integriti dan reputasi universiti dan institusi pendidikan negara.

Katanya, UPM tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas termasuk tindakan tatatertib terhadap staf mahupun pelajar yang didapati terbabit dalam kes ini.

"UPM ingin menegaskan bahawa kami mempunyai saluran aduan yang boleh dicapai oleh semua staf, pelajar dan juga orang awam iaitu Sistem U-Respon yang dibangunkan bagi memenuhi keperluan kebebasan bersuara dalam kalangan pelajar, staf mahupun orang awam.

"Aduan juga boleh dibuat melalui surat atau emel secara terus

kepada Naib Canselor atau mana-mana pegawai universiti yang berkaitan dan aduan akan disiasat serta diambil tindakan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang berkuat kuasa," katanya.

Unit Integriti di bawah Pejabat Naib Canselor UPM juga diberi tanggungjawab untuk mengendalikan semua kes integriti termasuk kes integriti akademik akan dirujuk kepada beberapa jawatankuasa yang berkaitan untuk siasatan dengan kaedah yang berstruktur dan profesional.

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Ir Dr Mohd Hamdi Abd Shukor, berkata universiti menitikberatkan isu berkenaan dengan memberi pendedahan dan peringatan berterusan kepada pelajar dan ahli akademik berkaitan integriti akademik bagi memastikan perkara itu tidak berlaku.

"Jika aktiviti plagiat dan integriti akademik ini tidak diben-

dung, mungkin satu masa nanti pendidikan tinggi negara akan terjejas dan kredibiliti universiti serta golongan akademik akan dipertikai.

"Sehubungan itu, Unit Integriti UKM diperkasakan peranannya dan diberi kuasa sepenuhnya untuk mengambil tindakan sekiranya ada laporan berlaku salah laku dalam isu ini yang mana setiap laporan akan dimajukan terus kepada Lembaga Pengarah Universiti," katanya.

Lembaga Pengarah Universiti ialah badan yang mengambil alih peranan Jawatankuasa Tapisan Integriti yang sebelum dibubarkan bagi mengelak daripada berlakunya ketidakadilan dan campurtangan naib canselor serta penguurusan utama UKM jika berlaku salah laku amalan tidak berintegriti di universiti berkenaan.

Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Datuk Ir Dr Wahid Omar, pula

berkata sebarang isu berkaitan integriti akademik boleh memberi gambaran buruk sekali gus menjejaskan reputasi institusi secara keseluruhan.

Katanya, UTM menyediakan pelbagai saluran aduan yang boleh diakses warga universiti dan masyarakat luar menerusi sistem aduan icare, iaitu portal aduan sehenti UTM di mana aduan diterima dikendalikan secara telus demi menjamin kerahsiaan pengadu.

"Mana-mana kes integriti termasuk kes integriti akademik yang diterima akan dirujuk kepada Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) UTM yang kini dikenali sebagai Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR).

"JAR diberi kuasa oleh universiti untuk menyiasat secara bebas berdasarkan piawaian antarabangsa seperti kes plagiat, hak cipta penerbitan, sama ada dalam makalah, jurnal atau pun tesis," katanya.



Prof Mohd Hamdi Abd Shukor